

Semua orang terkesima. Mak Midah terus berjalan. Sesekali mata bundarnya menoleh ke belakang. Lagaknya tersenyum simpul sambil menyanyi nyanyi kecil tanpa mempedulikan orang sekeliling. Hatinya sentiasa girang dan berbunga riang. Hari ini rezeki Midah agak bertambah. Tin-tin kosong bekas minuman penuh di tangan. Satu demi satu dipungut sepanjang perjalanan pulang dari pasar tani yang tidak jauh dari tempat tinggalnya. Begal gelas berwarna biru firuz yang terdandang di bahu sudah penuh diisi dengan bekas minuman yang dikemaskan satu demi satu. Seberbar lagi barangan itu akan ditukarkan menjadi wang. Pakaianya yang seakan-akan tidak terurus itu masih lagi menampilkan kecantikannya.

Beberapa kali aku menoleh ke belakang. Mak Midahkah itu? Raut wajah warga emas itu tidak banyak berubah. Cuma gerak-geriknya sudah agak perlahan dek dimamah usia. Wanita tua itu tabah menelusuri jalur hidupnya sesudah suami tercinta belahiri jiwanya meninggalkan dunia fana ini. Teman hidupnya yang berikrar hingga akhir nyawa itu pergi dahulu - terkorban di medan perjuangan. Berjuang demi negara tercinta. Perginya memang benar-benar berbekas di hati Mak Midah kerana suaminya berjuang untuk membantu memerdekan negara daripada belenggu penjajahan. Berjuang untuk kedamaian. Sifat mulia suaminya itulah yang disanjung tinggi oleh Mak Midah hingga kini.

Aku pula seakan-akan tidak percaya itu adalah Mak Midah yang memang pernah singgah di teratak hotiku. Bungam sukma melihat Mak Midah begitu. Mengapa Mak Midah tega membuat kerja-kerja memungut tin kosong itu. Bukan aku mahu, tetapi dalam usia sebegini Mak Midah sepatutnya tidak berada di situ. Aku mengaku ini memang salahku. Agak lama meninggalkannya keseorangan.

Suatu ketika dulu, memang aku meninggalkan Mak Midah hanya kerana melanjutkan pelajaranku ke luar negara. Memenuhi impian mengunung - menggapai cita-cita tinggi. Pengajianku dibiaya sepenuhnya. Lantas, aku seakan-akan lupa diri. Aku terus mengutip pengalaman bekerja di luar negara. Mulanya aku malas untuk pulang. Namun, setelah sekian lama aku tinggalkan desa ini - aku kembali semula untuk berbakti. Seakan-akan ada daya magoet yang menarik untuk aku kembali. Mak Midah adalah juranku sekaligus menjadi ibuku!

Aduhai! Suatu ketika dahulu makan dan minumku selalu dijaganya. Aku ditatang bagaikan minyak yang penuh. Nyamuk seekor pun tidak dibenarkan menggigit badanku hanya kerana ingin aku nyenyak tidur. Ibuku selalu meninggalkan aku di rumahnya. Ibuku sibuk bekerja, mencari sesuap nasi. Yah! Sedih aku lihat keadaan Mak Midah jadi begitu. Bebe-

rapa kali aku menyeka mutiara jermih yang tumpah dari mataku.

Nampak benar sengsaranya kerana aku gagal menjaganya. Benarlah. Mak Midah juga sudah kehilangan tempat menuang perasaan. Sama-sama berkongsi kesedihan. Suka dan dukanya silih berganti. Aku pulang ke desa semata-mata rindu untuk melihat bumbung teratak pusaka bonda yang semakin usang jua dimamah usia. Tiang serinya tetap utuh di situ. Aku tatap atap zink yang kian berkarat dimamah sang mentari. Tangga batu berurna hijau firuz setia menanti kehadiranmu. Di situlah setiap Syawal menjelang dijadikan prop untuk beraksi foto. Pelbagai ragam, pelbagai aksi.

Aku beremeng lama di mata tangga itu saling mata tidak putus memerhati arah rumah Mak Midah. Aku ingin mencantumkan kedua-dua rumah ini menjadi satu dan membangunkan produk Midah Kebaya Ungu - sempena kedatangan produk satu kampung satu produk sasaran Tok Ketua daerah. Apa guna Mak Midah menjaja dan merayau-rayau di Pasar Tani. Biar jarak antara Pasar Tani dengan rumah kami dekat saja, namun aku bertekad untuk melarangnya terus daripada berjaja dan mencari tin kosong di situ.

Aku mampu untuk merubah kehidupan ini. Biar Mak Midah menjadi primadona baharu dalam legasi produk yang bakal aku bangunkan. Aku ingin membina Kelas Menjahit Pakaiannya di desa tempat leluhuru ini. Masih ramai lagi anak-anak muda di desa ini yang memerlukan perhatian. Aku ingin menawarkan pakej belajar menjahit pakaian dan langsir serta kelas sulam menyulam. Aku akan bawakan guru khas dari ibu kota untuk melestarikan impianku. Ramai remaja lulusan Institut Kemahiran Mara yang boleh aku cari untuk berbakti di desa.

Mak Midah bisa saja jadi pementau dengan daya tarikan silamnya. Biar matanya sudah rabun tidak boleh mencucuk jarum, namun kemahiran silamnya aku pandang tinggi. Produknya akan aku pasarkan di gedung-gedung pakaian di bandar dan dijual melalui internet. Aku akan iklankan juga di Facebook dan Instagram mengikut rentak terkini. Mungkin juga artis tersohor bisa singgah untuk menempah pakaian di gedung Midah Kebaya Ungu kelak.

Mak Midah sejak saat sinar mata bundarnya kuperhatikan tidak henti-henti menyanyi - lagu merdeka,

lagu patriotik, lagu silam berbau kepahlawanan. Jiwaku, sukma tertusuk lembut mengarah ke irama nyanyian Mak Midah. Sejak aku mula-mula melangkah masuk ke ruang tamu rumahnya yang kian lusuh itu sehingga sekarang, Mak Midah masih menyanyi-nyanyi riang. Tersenyum sendiri memandang ke arahku.

Ruang dapur rumah itu dipenuhi dengan tin-tin kosong. Akhbar lama juga banyak - bersepah-sepah di situ. Aku perhatikan kehidupan Mak Midah yang berubah benar. Mengapa Mak Midah menjadi begitu. Suatu ketika dahulu beliau persis Ratu Kebaya yang tidak ada tolok bandingnya dengan gadis sunti lain dalam kampung itu. Sebut saja nama Midah Kebaya Ungu semua orang tahu, kecantikannya tiada tara dan gelang gantinya. Hati teruna cair umpama ais dan runtuh melihat keayumannya.

Beberapa kali kutoleh ruang tamu rumah itu. Potret anak gadis di hadapanku sempat mengenyit mata, persis berkata kepadaku, "Aku tahu sejarah silammu?" Dulu kau antara gadis Melayu tersohor di daerah ini. Midah Kebaya Ungu sering kali menyanyi di pentas bangsawan. Suaranya lunak dan merdu sekali. Mak Midah tidak pernah kenal erti dikecewakan cinta? Biar beribu wajah tampan teruna yang datang, si manis ini sukar - untuk tewas di medan percintaan. Si Teruna yang memakai baju hijau celorang celoreng tetap menjadi pujaan hatinya.

Antara teruna yang dipujanya berjaja tahap perwira negara. Cinta jawa sekampung Mak Midah bangga bercinta dengannya. Si teruna terjun ke dunia ketenteraan demi ibu pertiwi. Namun kasih mereka berakhir sudah - si teruna gugur sebagai bunga bangsa.

Mak Midah terus merana kegalan mengenang kasih yang terputus di pertengahan jalan. Bunga-bunga cintanya gugur dibalut bendera Malaysia. Mak Midah benar-benar cintakan suaminya. Biar jarang bertemu kerana tugas, nusa dan bangsa, namun Mak Midah setia hingga ke penghujung nyawa. Mak Midah merang sekut-kuat hatinya saat keranda kayu berbalut bendera Malaysia sampai di ruang taru rumahnya. Ramai rakan-rakan suaminya yang beruniform hijau membantu mengangkat jenazah suaminya. Bernakrah itu suaminya yang terkorban di medan juang. Suaminya sempat menerima penghormatan negara hingga selamat dikuburkan di tanah

perkuburan Bukit Gantang. Mak Midah antara percaya dengan tidak kenyataan yang berada di hadapan matanya.

Peristiwa itu sudah hampir 58 tahun berlalu. Saat kesunyian mengepung jiwanya - suaminya gugur ke bumi sebagai bunga bangsa. Aku yakin, pasti hidup Mak Midah begitu dihimpit sunyi. Bayangkan hidupnya tanpa teman, tanpa zuriat. Benar! Hidup Mak Midah tanpa sesiapa yang dapat bertukar-tukar bicara. Zaman kemasyhurannya sudah luput. Hanya berteman lagu sepi nyanyian sunyi.

Faktor kesihatan memaksa Mak Midah untuk tidak aktif menjahit dan melibatkan diri dalam acara sekampung. Dulu Mak Midah gemar mengambil upah menjahit. Mesin jahit hadiah kesayangan yang terletak di pojok anjung rumah tua itu adalah pemberian suaminya sempena dengan hari ulang tahun perkahwinan mereka. Suaminya akur dengan kemahiran menjahit pakaiannya khususnya kebaya yang ada pada diri isteri tercinta.

Kadang-kala Mak Midah kebaya pendek dengan kain dagang luar untuk ke majlis-majlis beresamannya. Kebaya itu dijahitnya hasil air tangannya sendiri. Ketika mengikut suami ke merata tempat sememangnya Mak Midah banyak menerima tempahan menjahit untuk musim-musim perayaan. Mak Midah tidak malu mengusung mesin jahitnya ke mana-mana.

Kadang-kala Mak Midah menghabiskan masa berjam-jam untuk menikam belut bagi leher baju kurung yang disembatnya. Sulaman halus berseni itu adalah antara kemahirannya. Baju kurung cekak musang dan baju kurung Teluk Belanga tidak terkecuali daripada menerima sentuhan Mak Midah. Semuanya dibuat mengikut tempahan. Saat hari perayaan besar, dia tidak menyang tangan menerima tempahan.

Saat meneguk kopi O panas yang aku sediakan sendiri, sempat pula mataku meliar-liar melihat keratan-keratan akhbar yang dihimpunkan. Di situ juga terletak sepi mesin jahit yang suatu ketika dahulu menjadi teman akrabnya. Aku juga sempat menyelak beberapa buah album yang memuatkan gambarnya ketika zaman silam. Wah, bagai-bagai tidak percaya itulah Mak Midah yang berada di hadapan mataku!

Ah, perjalanan hidupku! Sejak aku dilahirkan, aku tidak pernah mengenal siapa ibu dan bapa kandung sendiri. Aku diletakkan di tepian kolah sebuah surau. Mujur aku sempat dijumpai sebelum semut merayau-rayau di seluruh badanku. Bagi aku itulah cerita yang paling malang dalam seluruh hidup ini.

Saat itu, Mak Midah dan ibuku menjadi terlalu akrab kerana aku. Aku diserahkan kepada keluarga angkat ini untuk mendapatkan sesuap nasi buat penyambung nyawa. Aku bertukar ke tangan

Mak Midah setelah pemergian bonda tercinta. Biar aku tidak mengetahui siapa orang tuaku dan asal keturunanku, namun aku pasrah sendiri hingga sempat menamatkan pengajian ijazah pertamaku di negara yang terkenal dengan jolokan Kremlinnya. Negara yang suatu ketika dahulu tidak mahu membuka pintu kepada orang luar.

Dapatlah aku katakan, itulah detik mulanya kisah malang dan berjejeran dengan kisah manis dalam hidupku. Bukan begitu? Aku tidak menyalahkan sesiapa yang mencorakkan kehidupanku. Biar bermula dengan sesuatu yang paling malang dalam hidup ini, namun tiada siapa yang dapat menduga kedudukan diriku berada di sini. Di tempat aku melambungkan topi jajahku di luar dewan majlis konvokesyen. Saat orang lain dikelilingi ibu bapa, kekasih hati memeluk jambangan bunga berpotret kasih - aku tetap begini.

Namun, aku juga sempat menerima jambangan bunga. Aku diminta mengambil jambangan bunga. Saat untuk menerima skrol daripada Pro-Canselor, telefon bimbit dikocek seluaraku bergegar. Kiriman sistem pesanan ringkas (SMS) yang dikirimkan dari nombor telefon yang tidak aku kenali: "Silalah ke Gerai Bunga B14 - temu Faiz."

Wah! Begitu aku menatap kad kecil dalam jambangan bunga Lilil berurna merah jambu, aku benar-benar terkesima. "Tahniah untuk kejayaan ini - Salam: Mak Midah Kebaya Ungu". Bagaimana mungkin Mak Midah begitu pandai mengirim jambangan ini utukku!

Ya! Di hadapanku kini, jambangan anthurium andraeanum. Bunga juga mempunyai bahasa yang tersendiri - alat komunikasi. Mak Midah pandai mengungkapkan rasa itu secara rahsia. Ini bukan kerja Mak Midah. Mungkin juga kerja si manis penemannya yang sering menjeling-jelingku waktu aku kerap mengunjungi Mak Midah. Teman-teman sepejabatku tidak lupa mengirimkan jambangan bunga yang pelbagai utukku biarpun aku baharu sahaja bekerja bersama-sama mereka - meraikan kehadiran ijazah kedua-dua.

Aku riang sendiri kerana dikelilingi teman-teman sepejabat usai majlis konvokesyenku. Seribu kepedihan, seribu kegembiraan bertaut mesra.

Di mana ibu bapaku? Aku tidak tahu. Apa yang aku tahu hanya Mak Midah Si Kebaya Ungu menjadi temanku kala ini.

Pengarang kreatif dipelawa menghantar cerpen dan puisi ke halaman Sanggar Sastera, Kembangan, BH Ahad melalui e-mel bhsastera@bh.com.my. Sertakan biodata, nombor kad pengenalan, alamat lengkap, nombor telefon, gambar yang jelas berukuran 2 megabit menggunakan sistem JPEG, nombor akaun Maybank atau CIMB. Cerpen tidak boleh melebihi 1,700 perkataan.

PROFIL



Saadah Jaffar anak kelahiran Tangkak, Johor ini menerima ijazah Sarjana Muda dan Diploma Pendidikan dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) serta Sarjana Bahasa Melayu dan Doktor Falsafah dari Universiti Putra Malaysia (UPM). Cerpennya pernah tersiar di majalah Dewan Sastera, majalah Harmoni



Midah Kebaya Ungu